

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (HPP) ini memberikan anda maklumat penting tentang perkhidmatan kewangan perniagaan anda dengan Bank of China (Malaysia) Berhad (BOCM). Pelanggan lain telah membaca HPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga harus membacanya.**

① Apakah itu Kutipan Bil Masuk (IBC)?

IBC ialah perkhidmatan di mana BOCM bertindak sebagai Bank Pengutip atau Penyerah sahaja untuk mengendalikan dan memberitahu pelanggan tentang dokumen penghantaran diterima daripada bank penjual/pengeksporth.

Faedah-faedah IBC

- Mudah digunakan – proses ringkas dan mudah dikendalikan berbanding dengan Surat Kredit (LC).
- Kos rendah – fi perbankan yang lebih rendah, mengurangkan perbelanjaan dan kos kewangan.
- Meningkatkan aliran tunai – tiada bayaran pendahuluan diperlukan kepada penjual/pengeksporth dan dokumen boleh dikeluarkan sama ada bersandarkan pembayaran (D/P) atau penerimaan (D/A).

② Apakah Obligasi Anda?

- Anda mesti memberi arahan pembayaran setelah menerima dokumen penghantaran masuk di bawah terma D/P.
- Anda bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran untuk dokumen penghantaran masuk di bawah terma D/A pada tarikh matang.
- Anda hendaklah indemnifi BOCM dan perwakilannya apabila diminta (atas dasar indemniti penuh) terhadap semua liabiliti berhubungan dengan IBC.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami terma dan syarat permohonan IBC sebelum menandatangani.



Bayar amaun penuh IBC termasuk sebarang komisen atau caj yang berkenaan pada tarikh matang.

③ Kenali Risiko Anda

Apakah risiko utama?

1. Kelewatan dan/atau tidak mengambil dokumen penghantaran boleh menyebabkan bayaran demurrage/penyimpanan yang mahal dikenakan.
2. BOCM berurusan dengan dokumen sahaja dan tidak mempunyai obligasi untuk mengesahkan kualiti barangan yang dihantar.
3. Apabila IBC melanggar pencegahan pengubahan wang haram, sekatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), atau undang-undang yang berkenaan, BOCM boleh membatalkan kutipan, penerimaan, atau penyelesaian/pembayaran IBC.

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan obligasi anda?

1. Dokumen yang tidak dikutip akan dikembalikan kepada Bank Penyerah dalam tempoh 60 hari dari tarikh penerimaan atau atas permintaan Bank Penyerah, yang mana lebih awal.
2. Kewajipan anda adalah terhadap penjual/pengeksporth anda berdasarkan syarat kontrak komersial anda yang dipersetujui dengan mereka.

④ Fi dan Caj

Jenis Perkhidmatan	Harga/ Fi/ Caj (RM)	Waktu pemprosesan (domestik & rentas sempadan)
Kutipan Bil Masuk (Bil Bukan LC) (Item Bersih dan Dokumentari)	0.1% flat pada jumlah bil Minimum RM50 Maksimum RM100 (Bil Mata Wang Asing) Maksimum RM500 (Bil Mata Wang Tempatan) Untuk bil usance atau di bawah terma D/A, komisen pengendalian tambahan sebanyak RM50 pada setiap bil.	<u>Kutipan/ Penerimaan/ Pembayaran IBC:</u> Pembayaran dalam mata wang asing: Sebelum pukul 2 petang, proses pada hari yang sama; Selepas pukul 2 petang, akan diproses pada hari bekerja berikutnya. Bayaran dalam Ringgit Malaysia (RENTAS): Sebelum pukul 11.30 pagi, proses pada hari yang sama; Selepas pukul 11.30 pagi, akan diproses pada hari bekerja berikutnya.
Nota: ▪ Caj Lain: Sila rujuk kepada surat tawaran yang berkaitan dan Caj Standard kami mengenai Operasi Perkhidmatan Perdagangan Antarabangsa di https://www.bankofchina.com.my/m/en-my/service/information/service-rates-and-tariffs/standard-charges-on-international-trade-services-operations.html untuk senarai penuh fi dan caj; ▪ Fi dan caj di atas adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan; ▪ Pemprosesan hari yang sama tertakluk kepada permohonan IBC dan dokumen pembiayaan adalah lengkap; ▪ Masa pemprosesan yang lebih lama akan digunakan untuk penghantaran pukal.		

⑤ Terma Utama Lain

Adalah penting untuk anda memaklumkan BOCM sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai IBC kami, anda boleh:



Menghubungi Pusat
Panggilan Pelanggan:
+603-20595566



Mengunjungi Laman Web:
<https://www.bankofchina.com.my/en-my/segment/corporate-banking/trade-services/trade-settlement/inward-bills-for-collection.html>



E-mel ke:
callcenter@my.bank-of-china.com

Sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik, anda boleh menghubungi AKPK di:



Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
 Nombor Perhubungan: +603-2616 7766
 E-mel: enquiry@akpk.org.my